

Tidak terjejas ringgit susut

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

ekonomi@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 26 JAN.

KEJATUHAN nilai mata wang asing yang melanda ekonomi dunia tidak menjejaskan kadar hutang kerajaan, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Komposisi hutang kerajaan dengan negara luar adalah kecil, sehubungan itu ujar beliau, kejatuhan nilai mata wang asing tidak memberi kesan yang ketara terhadap prestasi ekonomi negara.

“Hutang kerajaan tidak terjejas dengan perubahan pada mata wang asing. Komposisi hutang dengan negara luar terlalu kecil,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kastam Sedunia ke-33 di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai impak

terhadap hutang negara berikutan kejatuhan nilai mata wang beberapa negara berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Menurut Ahmad Husni, kerajaan tidak akan mengurangkan perbelanjaan dalam mana-mana kementerian berikutan penstrukturan semula Bajet 2015.



AHMAD HUSNI

Walau bagaimanapun jelasnya, mana-mana kementerian boleh menanggungkan perbelanjaan untuk hal-hal tertentu seperti pembelian kenderaan dan program latihan.

“Penstrukturan yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak bertujuan mengurangkan peruntukan dalam mana-mana kementerian kerana perbelanjaan setiap kementerian berbeza-beza.

“Walau bagaimanapun tiada masalah sekiranya ada kementerian yang mahu menanggungkan beberapa perkara yang dirancang untuk dilak-

sanakan sebagai membantu kedudukan ekonomi negara,” katanya.

Sementara itu, beliau meminta sektor swasta yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara supaya terus memberi sokongan terhadap agenda ekonomi negara seperti pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Menurutnya, GST dilaksanakan dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan negara terutama selepas penurunan harga minyak, sehubungan itu syarikat swasta perlu memastikan bayaran cukai dibuat 100 peratus.

“Kita tidak mahu lagi wujudnya aktiviti penyeludupan bagi mengelakkan cukai. Sebab itu kita meletakkan beberapa peringkat dalam pelaksanaan GST.

“Kita memberi tanggungjawab kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk berada di peringkat pertama pelaksanaan GST diikuti oleh pembayar cukai dan seterusnya ejen. GST memerlukan peranan banyak pihak bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan pendapatan negara,” katanya.